



Headline: Tiga wanita jadi mangsa tipu
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 25 December 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 31

Tiga wanita jadi mangsa tipu

**Rugi lebih
RM22,000
apabila ditipu
dalam tiga kes
berasingan**

NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

KUANTAN

Tiga wanita termasuk seorang penjawat awam membuat laporan polis kelmarin apabila menjadi mangsa tipu sindiket sehingga kerugian dengan jumlah keseluruhan lebih RM22,000.

Mangsa yang berusia 26 hingga 41 tahun itu diperdaya dalam tiga kes ber-

asingan yang dilaporkan di daerah Temerloh dan Kuantan kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa pertama melibatkan seorang penjawat awam yang kerugian RM6,300 selepas diperdaya dua individu menyamar sebagai pegawai mahkamah dan polis.

Menurutnya, mangsa dijerat dengan helah tunggakan pinjaman bank sehingga mendorongnya membuat bayaran dalam jumlah dinyatakan bagi mengelak akaun bank dibekukan.

"Mangsa kedua mengalami kerugian RM6,560 apabila terpedaya dengan iklan tawaran pinjaman



MOHD WAZIR

peribadi tidak wujud yang ditawarkan seorang lelaki melalui panggilan telefon.

"Dalam kes ini, mangsa yang tertarik dengan tawaran itu menyerahkan beberapa dokumen termasuk salinan kad pengenalan dan slip gaji bagi tujuan semakan kelayakan untuk pinjaman berjumlah

RM5,000 sebelum diminta membuat bayaran proses. Mangsa membuat bayaran berjumlah RM6,560 dan menyedari jumlah itu melebihi jumlah pinjaman yang dipohon sebelum sedar dia telah ditipu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Wazir berkata, bagi kes melibatkan seorang pekerja sebuah syarikat swasta, wanita itu kerugian hampir RM10,000 selepas wang dalam akaun banknya hilang gara-gara menyerahkan maklumat perbankan internetnya kepada seorang 'pegawai polis' dari Bukit Aman.

"Mangsa diperangkap dengan helah namanya disalahguna pihak tertentu untuk memohon kad kredit dari sebuah cawangan

Tiga wanita rugi ditipu sindiket

Kes 1: Penjawat awam rugi RM6,300 apabila diperdaya dua individu menyamar pegawai mahkamah dan polis

Kes 2: Mangsa rugi RM6,560 apabila terpedaya dengan iklan tawaran pinjaman peribadi tidak wujud

Kes 3: Pekerja swasta rugi hampir RM10,000 diperdaya individu menyamar pegawai polis dari Bukit Aman

bank di Puchong dan dikesan berlaku pengeluaran wang menggunakan kad itu berjumlah lebih RM8,000.

"Mangsa berurusan dengan tiga individu menyamar sebagai pegawai bank, pegawai 'Bank Negara' dan pegawai polis sebelum diminta menyerahkan maklumat banknya bagi tujuan siasatan dan mengelakkan namanya daripada disen-

raihitamkan," katanya.

Beliau berkata, menyedari ditipu, ketiga-tiga mangsa membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Polis kini mengesan lima individu yang dikenalpasti sebagai pemilik akaun bank yang digunakan dalam tiga kes penipuan ini bagi membantu siasatan," katanya.